



PENGERUSI EKSEKUTIF
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 11
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4334
Faks: +603-2083 4114
Portal Rasmi: www.skm.gov.my
Email : pengerusieksekutif@skm.gov.my

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM) 8153/14 JILID 7 (39)

Tarikh : 8 Disember 2022

KOPERASI-KOPERASI BERDAFTAR

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

ARAHAN UMUM: PENDEPOSITAN KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI KE DALAM AKAUN DEPOSIT KOPERASI

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Akaun Deposit Koperasi (ADK) merupakan arahan statutori daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua koperasi yang layak mendeposit Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) menurut akaun teraudit tahun semasa. Pendepositan ADK hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan koperasi berakhir.

3. Oleh yang demikian, koperasi dikehendaki mendeposit KWRS Semasa bagi **tahun kewangan 2022 dan 2023** ke dalam ADK dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan koperasi berakhir. Sila ambil perhatian bahawa kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan koperasi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dikenakan tindakan perundangan.

4. Suruhanjaya telah melantik Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama) sebagai Pengurus ADK bagi mengurus dan mentadbir ADK mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh Suruhanjaya. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

(a) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Penjelasan ADK)

BIL.	NAMA	NO. TELEFON	E-MEL
i.	En. Mohamad Kamarulzaman bin Mohamad Annuar Mus'adad	03-20834275	g_adkofficial@skm.gov.my
ii.	En. Muhammad Raid bin Mohd Noor	03-20834074	
iii.	En. Muhammad Hafiz Haiqal Bin Hafandi	03-20834161	

(b) Co-opbank Pertama (Urusan Pendepositan ADK)

BIL.	NAMA	NO. TELEFON	E-MEL
i.	En. Mohd Faris bin Kamarudin	03-26040399	mohd.faris@cbp.com.my
ii.	En. Norhisam bin Selamat	03-26040399	norhisam@cbp.com.my
iii.	En. Ahmad Fariz bin Tairuddin	03-26040399	fariz.tairuddin@cbp.com.my
iv.	Pn. Nor Akmal Nadrah bt Ahmad Al Maleke	03-26040399	nadrah@cbp.com.my

5. Bersama-sama ini disertakan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019, GP 29 : Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi, Arahan Pendepositan Akaun Deposit Koperasi – 2019, Ringkasan Panduan Pembukaan Akaun Deposit-i ADK KWRS CBP dan senarai cawangan Co-opbank Pertama bagi mempermudah urusan tersebut.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RUSLI BIN JAAFAR)

- s.k.
- i) Timbalan Pengerusi Eksekutif
 - ii) Naib Pengerusi Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)
 - iii) Naib Pengerusi Eksekutif (Operasi dan Kawalselia)
 - iv) Naib Pengerusi Eksekutif (Pengurusan)
 - v) Pengarah Bahagian Audit Koperasi
 - vi) Pengarah Bahagian Statutori dan Pendaftaran
 - vii) Pengarah Cawangan Negeri
 - viii) Pengerusi, Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad